

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO SYARIAH INSTITUSI KEWANGAN ISLAM: APLIKASI GLOBAL BAGI MENANGANI RISIKO KETIDAKPATUHAN SYARIAH

(Sharia Risk Management Framework for Islamic Financial Institutions: Its Global Application in Managing Sharia Non-Compliant Risk)

Rusni Hassan
hrusni@iium.edu.my

Institut Perbankan dan Kewangan Islam,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Adnan Yusoff
adnan@unitan.edu.my

Universiti Tenaga Nasional.

Mohd. Syahmi Ab. Karim
syahmikarim@yahoo.co.uk

Bank Pembangunan Islam Dunia.

Ahmad Azam Othman
aazam@iium.edu.my

Muhammad Naim Omar
mhdnaim@iium.edu.my

Mohammad Deen Mohd. Napiah
mdeen@iium.edu.my

Mohamad Asmadi Abdullah
masmadi@iium.edu.my

Ahmad Najib Abdullah
anajib@iium.edu.my

Kulliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Abstrak

Institusi kewangan Islam pada masa ini tidak sahaja terdedah kepada risiko yang dihadapi oleh institusi kewangan konvensional, malah terpaksa berhadapan dengan risiko menurut perspektif syariah berdasarkan konsep kebertanggungjawaban syarak bagi memastikan semua operasi dan produk kewangan yang ditawarkan kepada pengguna memenuhi kehendak syarak. Oleh itu, semua institusi kewangan Islam perlu mewujudkan Rangka Kerja Amalan Pengurusan Risiko Syariah supaya dapat memantau pematuhan syariah dalam setiap aktiviti perbankan yang dijalankan.

Kata kunci: Amalan Pengurusan Risiko Syariah, kepatuhan syariah, kewangan Islam, institusi kewangan konvensional, sistem perbankan

Abstract

In addition to the risks faced by traditional financial institutions, Islamic banks are widely exposed to sharia-related risks with regards to the need for ensuring compliance of its operational activities and financial products with Islamic law. In order to mitigate these additional risks, Islamic financial institutions are urged to establish a comprehensive 'Framework for Sharia Risk Management' that can help them monitor their banking, financing and investment activities in conformity with sharia principles and hence enhance their sustainability in the long run.

Keywords: *Sharia Risk Management Practices, sharia compliant, Islamic finance, traditional financial institutions, banking system*

PENDAHULUAN

Pada tahun 2008 dan 2009, dunia dilanda krisis kewangan global yang membuka mata banyak pihak, terutama badan pengawal selia, pengamal dan penyelidik dalam bidang kewangan supaya mewujudkan suatu mekanisme pengurusan risiko yang komprehensif bagi menjamin kelangsungan dan perkembangan institusi perbankan seantero dunia sama ada dalam perbankan konvensional atau perbankan Islam. Kajian Rudra Sensarma dan M. Jayadev (2009) menunjukkan bahawa pengurusan risiko yang dilakukan secara efektif dalam sesebuah institusi perbankan memberikan kesan positif terhadap kenaikan nilai saham sesuatu institusi.¹ Krisis kewangan dunia yang berlaku pada tahun 2008 hingga 2009, yang mengakibatkan kejatuhan syarikat gergasi dalam sektor kewangan dunia seperti Lehman Brothers membuka lembaran baharu aspek pengurusan institusi perbankan semasa. Satu set panduan pengurusan risiko, Basel III diketengahkan bertujuan menangani masalah yang berkaitan dengan pengurusan risiko yang dianggap sebagai faktor utama penyumbang kegagalan institusi perbankan pada waktu itu.² Basel III memberikan nafas baharu kepada rangka kerja kecukupan modal (*capital adequacy framework*), iaitu setiap bank atau institusi kewangan dikehendaki meningkatkan penggunaan modal ekuiti dalam aktiviti pelaburan dan perniagaan, dan mengurangkan kebergantungan pada modal hutang semata-mata dalam usaha untuk memacu aktiviti perniagaan dalam sesebuah institusi kewangan. Situasi ini secara tidak langsung mengurangkan kebarangkalian berlaku kegagalan operasi (*bank run*) sesebuah institusi kewangan seperti yang terjadi kepada Lehman Brothers, Nothern Rock, dan lain-lain.

Kini, institusi kewangan Islam bukan sahaja terdedah kepada pelbagai jenis risiko yang perlu diatasi oleh perbankan konvensional, malah tidak dapat lari daripada risiko syariah yang menuntut semua

-
- 1 Sensarma, R., dan Jayadev, M. (2009). Are bank stocks sensitive to risk management? *The Journal of Risk Finance*, 10(1), 7 – 22.
 - 2 Sabato, G. (2009). Financial crisis: Where did risk management fail? Dicapai melalui SSRN: <http://ssrn.com/abstract/1460762>.

operasi dan produk kewangan yang ditawarkan selaras dengan kehendak syariah. Oleh yang demikian, semua institusi kewangan Islam hendaklah mewujudkan amalan pengurusan risiko syariah supaya dapat membantu mereka memantau pematuhan syariah dalam setiap aktiviti perbankan yang dijalankan. Objektif utama makalah ini adalah untuk membincangkan dasar pengurusan risiko syariah dalam konteks institusi kewangan Islam. Antara proses yang diguna pakai dalam pengurusan risiko syariah termasuklah mengenal pasti risiko, mengukur kadar risiko, serta memantau dan mengawal risiko. Semua proses akan dibincangkan secara lebih terperinci dengan mengemukakan kaedah pengukuran risiko yang boleh diguna pakai untuk menilai tahap sesuatu risiko yang berlaku menurut perspektif syarak dan juga sistem konvensional. Kajian ini juga diharap dapat mengetengahkan kepentingan penerapan beberapa prosedur yang komprehensif dalam pengurusan risiko syariah.

DEFINISI AMALAN PENGURUSAN RISIKO

Menurut *The Oxford Dictionary for Business and Management*, pengurusan risiko merujuk “suatu proses yang diguna pakai untuk membantu sesebuah organisasi untuk memahami, menilai dan mengambil tindakan berdasarkan semua risiko yang dihadapi oleh organisasi tersebut”. Dalam konteks perbankan, pengurusan risiko didefinisikan sebagai, “suatu proses yang digunakan oleh pengurusan sesebuah perbankan bagi mengenal pasti risiko yang perlu dikawal dengan cara mengenal pasti faktor utama yang membawa risiko, mewujudkan suatu ukuran risiko berkaitan dengan operasi yang konsisten dan mudah difahami, serta menentukan jenis risiko yang perlu dikurangkan atau ditambah dengan memperkenalkan prosedur khusus untuk mengawal situasi yang bakal menyumbang risiko. Dalam konteks ini juga, Jawatankuasa Basel bagi Penyeliaan Perbankan (*Basel Committee for Banking Supervision*) turut memberikan definisi tentang amalan pengurusan risiko melalui kesinambungan empat proses yang berikut:

1. Mengenal pasti sesuatu situasi dan mengklasifikasikannya kepada beberapa kategori seperti risiko pasaran, kredit, operasi

dan risiko lain kepada subkategori yang lebih khusus.

2. Mengukur dan menilai risiko dengan menggunakan data dan model risiko tertentu.
3. Melakukan pengawasan dan membuat laporan berdasarkan penilaian risiko yang dilakukan.
4. Mengawal selia risiko dan perkara berkaitan oleh pengurusan yang lebih senior.

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (*Islamic Financial Service Board*) juga mendefinisikan pengurusan risiko sebagai “suatu proses yang terdiri daripada mengenal pasti, menilai, mengurangkan, mengawal dan melaporkan sesuatu risiko”. Definisi tersebut akan menjadi penanda aras perbincangan dalam makalah ini, dan prosesnya akan dihuraikan secara terperinci.

PERSPEKTIF ISLAM TENTANG AMALAN PENGURUSAN RISIKO

Bagi memastikan kemampuan operasi perbankan dan pasaran modal Islam, amalan pengurusan risiko dalam sistem pengurusan dan kawalan dalaman perbankan Islam hendaklah dibangunkan. Konsep pengurusan risiko pada dasarnya ditunjukkan oleh Allah SWT dalam *Surah Yusuf*, ayat 67 yang bermaksud:

“Dan dia (Ya’kub) berkata, ‘Wahai anak-anakku! Janganlah kamu masuk dari satu pintu gerbang, dan masuklah dari pintu-pintu gerbang yang berbeda. Namun demikian, aku tidak dapat mempertahankan kamu sedikit pun dari (takdir) Allah. Keputusan itu hanyalah bagi Allah. Kepada-Nya aku bertawakal, dan kepada-Nya pula bertawakallah orang-orang yang bertawakal’.”

Selain itu, konsep ini juga turut disokong oleh hadis Rasulullah SAW dan juga kaedah *fikhiyyah* yang terbit daripada hadis tersebut seperti dalam Jadual 1.

Di samping itu, keharusan amalan pengurusan risiko juga boleh dilihat dari perspektif kepentingan *maqasid syariah*. Kebanyakan institusi kewangan Islam kini lebih cenderung menggunakan Rangka

Kerja Amalan Pengurusan Risiko Syariah untuk memelihara harta benda (dalam bentuk wang simpanan atau pelaburan) dan mengelakkan risiko yang membawa kerugian kepada pihak pendeposit atau pemegang saham³.

Jadual 1 Hadis nabi dan kaedah *fikhiyyah* berkaitan dengan keharusan melaksanakan Amalan Pengurusan Risiko Syariah.

Hadis Rasulullah SAW	Kaedah <i>Fikhiyyah</i>
<ul style="list-style-type: none"> • Nabi SAW pernah bertanya kepada seorang Badwi yang meninggalkan untanya tanpa ikatan, “Mengapa kamu tidak mengikat unta kamu?”. Orang Badwi tadi lantas menjawab, “Saya telah bertawakal kepada Allah”. Nabi SAW kemudian berkata, “Ikatlah unta kamu terlebih dahulu kemudian bertawakallah kepada Allah.” 	Kemudaratan mestilah dihapuskan.
<ul style="list-style-type: none"> • Sesiapa yang mati kerana melindungi hartanya, maka dia mati sebagai seorang syahid. 	Kemudaratan mestilah dihapuskan dengan sedaya upaya.
<ul style="list-style-type: none"> • Dalam Islam, tidak ada perbuatan merugikan diri sendiri dan perbuatan merugikan orang lain. 	Menolak kemudaratan lebih baik daripada mendapat kemaslahatan.

Hal ini seiring dengan objektif penting ekonomi Islam seperti yang ditetapkan oleh syariah yang dinyatakan dalam *Surah al-Baqarah*, ayat 282 – 283 yang menggesa pihak yang melakukan kontrak

3 Wajdi, A. (2014). Principles and application of risk management and hedging instruments in Islamic finance. Capaian daripada www.asyrafwajdi.com/v25/index.php/article.

supaya mendatangkan saksi dalam transaksi hutang yang dilakukan bagi mengelakkan pertelingkahan yang mungkin berlaku pada masa hadapan. Keadaan ini menunjukkan bahawa Islam amat menuntut amalan pengurusan risiko syariah dilaksanakan, malahan merupakan suatu usaha terpuji untuk meminimumkan risiko kredit akibat gagal melangsankann hutang.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO SYARIAH DALAM SEKTOR KEWANGAN ISLAM DI MALAYSIA

Pengurusan risiko syariah merupakan salah satu tanggungjawab asas setiap institusi perbankan untuk mencapai matlamat utamanya, iaitu kestabilan kewangan. Tanpa kawalan risiko yang efisien, institusi perbankan akan terdedah kepada pelbagai jenis risiko yang akhirnya akan menjelaskan kestabilan kewangan. Dari sudut pandangan yang lebih menyeluruh, setiap institusi perbankan boleh diibaratkan sebagai binaan asas yang secara kolektifnya membentuk sistem kewangan di Malaysia. Apa-apa jua jenis kepincangan dan masalah yang melanda setiap institusi perbankan, secara langsung atau tidak langsung akan memberikan impak yang negatif kepada kestabilan sektor kewangan. Dengan kata lain, kestabilan kewangan setiap institusi perbankan menjadi tunjang kestabilan sektor kewangan di Malaysia.

Dalam konteks institusi perbankan Islam, penekanan harus diberikan kepada satu lagi aspek risiko yang berkaitan dengan pematuhan syariah dalam operasi dan perniagaannya. Kepatuhan syariah merupakan perkara asas yang perlu dititikberatkan untuk mendapatkan kepercayaan dan keyakinan para pengguna. Kebanyakan pengguna dan pendeposit memilih perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam kerana faktor kepatuhan syariah yang menjadi tanggungjawab setiap Muslim. Namun, jika kepercayaan ini tercalar dengan isu pelanggaran hukum syarak, maka institusi terbabit terdedah kepada risiko kewangan yang serius jika berlakunya pengeluaran deposit oleh pengguna yang hilang kepercayaan terhadap integriti dan kredibiliti institusi terbabit. Hal ini membuktikan bahawa

pematuhan syariah berkait rapat dengan kestabilan kewangan kerana pelanggaran hukum syarak tanpa langkah pemberian yang efektif akan menyebabkan ketidakstabilan kewangan institusi perbankan Islam di Malaysia.

Dalam hal ini, seksyen 6 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dengan jelas menerangkan bahawa objektif utama Bank Negara Malaysia adalah untuk menggalakkan kestabilan kewangan dan kepatuhan syariah dalam operasi setiap institusi perbankan Islam. Secara umumnya, Rangka Kerja Kepatuhan Syariah hendaklah dilihat dalam konteks yang lebih holistik yang merangkumi peruntukan yang termaktub dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah 2010.

Dalam usaha untuk memastikan pematuhan syariah yang lebih efektif, satu bahagian khusus ditambah dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 bagi mengawal selia perkara yang berkaitan dengan pematuhan syariah. Seksyen 28(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 menetapkan kewajipan kepada semua institusi perbankan Islam untuk memastikan kesemua operasi, perniagaan dan urusan pentadbirannya seiring dengan kehendak syariah. Selain itu, setiap institusi perbankan juga mestilah melaporkan mana-mana pelanggaran hukum syarak dalam setiap operasi dan perniagaan mereka.⁴ Dalam konteks pematuhan syariah, pihak legislatif menzahirkan tekad mereka dengan memperuntukkan hukuman yang berat bagi pelanggaran kewajipan di bawah seksyen 28(5) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.⁵

Selain itu, seksyen 29 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 memperuntukkan kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk mengeluarkan garis panduan bagi memastikan pematuhan syariah dalam setiap operasi institusi perbankan Islam. Pada

4 Seksyen 28 (3) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

5 Individu yang didapati bersalah di bawah seksyen 28(5) boleh dihukum penjara tidak melibih lapan tahun dan denda tidak melebihi RM25 juta atau kedua-dua hukuman.

masa yang sama, Bank Negara Malaysia juga mempunyai kuasa di bawah seksyen 57 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk mengeluarkan peraturan dan garis panduan yang berkaitan dengan peraturan kawalan kehematan (*prudential regulation*) yang antara lain, melibatkan pengurusan risiko.⁶ Pada dasarnya, rangka kerja tadbir urus syariah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia berdasarkan kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 29 dan 57 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan seksyen 95 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

Terdapat beberapa prinsip penting dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah 2010 (*Shariah Governance Framework 2010*) yang berkisar tentang pengurusan risiko syariah dalam institusi perbankan Islam di Malaysia. Prinsip 7.15 Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah 2010 memberikan definisi Pengurusan Risiko Syariah sebagai, “Suatu fungsi yang terdiri daripada mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko ketidakpatuhan syariah yang bertujuan meminimumkan risiko yang timbul daripada ketidakpatuhan syariah”. Selain itu, prinsip ini juga menekankan kepentingan amalan pengurusan risiko yang sistematik bagi membantu institusi perbankan untuk mengekalkan kelangsungan pertumbuhan institusi tersebut secara berterusan. Oleh itu, Pengurusan Risiko Syariah perlu diberikan perhatian yang sewajarnya seperti pengurusan risiko kredit, pasaran, kecairan dan operasi. Tambahan pula, prinsip 7.17 Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah 2010 menekankan kepentingan pengetahuan syariah kepada setiap pegawai pengurusan risiko dalam setiap institusi kewangan Islam supaya mereka mampu menjalankan tugas dengan baik.


Menurut prinsip 7.18 Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah 2010, fungsi pengurusan risiko ketidakpatuhan syariah adalah seperti yang berikut:

6 Bank Negara juga diberikan kuasa di bawah seksyen 57(2) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk mengeluarkan garis panduan berkaitan dengan perkara seperti kecukupan modal, kecairan, tadbir urus korporat, pengurusan risiko, transaksi yang melibatkan pihak yang berkaitan, penyelenggaraan dana rizab, dana takaful dan pencegahan untuk mengelakkan institusi perbankan digunakan untuk aktiviti jenayah.

1. Memudahkan proses mengenal pasti, mengukur, mengawal dan memantau risiko ketidakpatuhan syariah yang wujud dalam operasi institusi kewangan Islam.
2. Merangka dan mengesyorkan garis panduan Amalan Pengurusan Risiko Ketidakpatuhan Syariah yang sesuai.
3. Membangunkan dan melaksanakan proses tersebut untuk menimbulkan kesedaran tentang risiko ketidakpatuhan syariah dalam institusi kewangan Islam.

PROSES PENGURUSAN RISIKO SYARIAH

Pengurusan Risiko Syariah melibatkan tiga langkah penting seperti yang berikut:



Rajah 1 Proses pengurusan risiko syariah.

Mengenal Pasti Risiko

Mengenal pasti risiko ialah satu proses yang dijalankan bertujuan mendalam dan memahami sifat dan kesan sesuatu keputusan atau tindakan terhadap aktiviti semasa dan masa depan sesebuah institusi perbankan.⁷ Proses ini diwujudkan bertujuan mendapatkan gambaran yang jelas tentang faktor yang menyebabkan berlakunya kesan dan akibat yang tidak diingini oleh institusi perbankan terbabit. Selain

⁷ Hertz, D. B., dan Thomas, H. (1983). *Risk analysis and its applications*. Chichester: Wiley.

itu, tujuan utama proses mengenal pasti risiko juga melibatkan pemahaman yang mendalam terhadap faktor yang menyumbang berlakunya risiko supaya dapat mengenal pasti tindakan dan langkah yang sesuai dalam pengurusan risiko.⁸ Dalam konteks makalah ini, proses pengenalpastian risiko tertumpu pada faktor penyebab utama dan boleh ubah yang membawa berlakunya ketidakpatuhan. Tumpuan dan perhatian diberikan kepada faktor penyebab utama kerana masalah hanya boleh diselesaikan jika asal usul dan sumber masalah diketahui dan dikenal pasti.

Pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan risiko hendaklah sentiasa peka dan waspada kepada faktor dalaman atau luaran yang boleh membawa risiko ketidakpatuhan syariah. Risiko ketidakpatuhan syariah boleh diklasifikasikan sebagai subset di bawah risiko operasi. Oleh hal yang demikian, definisi risiko operasi perlu dirujuk supaya dapat memberikan gambaran yang jelas tentang Pengurusan Risiko Syariah. Menurut Jawatankuasa Basel Penyeliaan Perbankan (*Basel Committee for Banking Supervision*), risiko operasi ialah risiko kerugian kewangan yang berpunca daripada kegagalan dan kekurangan dalam proses pengurusan dalaman, sumber manusia (kakitangan) dan sistem atau situasi luaran. Secara umumnya, faktor ini menyumbang dan membantu kajian, serta menjadi rujukan utama perbincangan untuk mengenal pasti risiko operasi. Malah, faktor manusia, proses (pengurusan dalaman) dan sistem atau situasi luaran dianggap sebagai faktor utama yang menyumbang ketidakpatuhan syariah.⁹

Faktor Manusia

Dalam konteks ini, manusia merujuk pihak berkepentingan yang terlibat dalam operasi sesebuah institusi kewangan Islam. Antara contoh pihak yang berkepentingan termasuklah pihak pengurusan, lembaga

8 Chankova, Lubka (2002). Risk identification-basic stage in risk management. *Environmental Management and Health Journal*, 13(3), 290 – 297.

9 Izhar, Hylmun, Salah, dan Zakaria Ali Hassan (2013). Applying love principles of risk management in Islamic banks operational risk analysis. *Agro Eurasian Studies*, 2(1/2), 15 – 40.

pengarah, penasihat syariah dan kakitangan institusi kewangan Islam. Oleh itu, tanggungjawab untuk memastikan pematuhan syariah bagi setiap produk perbankan Islam tidak terhad kepada penasihat syariah semata-mata, malah tanggungjawab ini turut dipikul dan hendaklah dilaksanakan dengan amanah oleh semua kakitangan dari setiap bahagian dalam sesebuah institusi kewangan Islam. Hal ini ditegaskan dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah 2010 seperti yang digambarkan dalam objektif Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah 2010 yang bertanggungjawab untuk “memberikan panduan yang komprehensif kepada lembaga, Jawatankuasa Syariah dan pengurusan sesebuah institusi kewangan Islam untuk melaksanakan tugas yang berkaitan dengan syariah”. Maka, dirumuskan bahawa kelemahan atau kekurangan yang timbul akibat salah laku kakitangan dalam pengurusan sesebuah institusi kewangan Islam boleh mencetuskan risiko ketidakpatuhan syariah. Dalam Jadual 2, dinyatakan beberapa peristiwa yang berkaitan dengan salah laku pihak berkepentingan dalam sesebuah institusi kewangan Islam yang mengundang risiko ketidakpatuhan syariah.

Jadual 2 Contoh salah laku dalam institusi kewangan Islam yang menyebabkan berlakunya risiko ketidakpatuhan syariah.

Salah Laku dalam Institusi Kewangan Islam		
1.	Risiko fatwa	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan penjelasan dan perbincangan tentang produk menghalang Jawatankuasa Syariah daripada mendapatkan maklumat dan fakta penting dalam proses pembentukan fatwa bagi produk yang ditawarkan kepada pengguna. • Kegagalan mentafsir fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Syariah boleh memberikan kesan buruk kepada prestasi institusi kewangan Islam. • Kegagalan pihak pengurusan institusi kewangan Islam mematuhi fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Syariah, meskipun peraturan yang jelas dikeluarkan berkenaan dengan fatwa tersebut. Hal ini juga turut menyumbang berlakunya risiko ketidakpatuhan syariah.

Sambungan

Salah Laku dalam Institusi Kewangan Islam		
2.	Pelanggaran garis panduan dan produk, transaksi, atau dokumentasi undang-undang yang tidak diluluskan.	<ul style="list-style-type: none">• Kekurangan komunikasi dan kerjasama antara Jawatankuasa Syariah dengan pegawai undang-undang boleh membawa risiko ketidakpatuhan syariah apabila kesalahan yang terkandung dalam surat cara tidak dibaiki.
3.	Kekurangan sumber dan latihan.	<ul style="list-style-type: none">• Kekurangan kakitangan yang berkelayakan untuk menjalankan tugas dan mengekalkan pematuhan syariah dalam semua aktiviti dan operasi institusi kewangan Islam.• Tugas untuk menguruskan sesebuah institusi kewangan Islam diserahkan kepada kakitangan yang tidak terlatih.• Kekurangan pengetahuan boleh menyebabkan kakitangan melakukan kesilapan ketika menjalankan tugas.

Faktor Proses

Proses yang dimaksudkan ialah pembangunan produk yang diguna pakai dalam operasi sesebuah institusi kewangan Islam. Pembangunan produk terbahagi kepada dua peringkat, iaitu kelulusan praproduct (proses penstrukturran dan pembangunan sesebuah produk sebelum diperkenalkan dalam pasaran) dan kelulusan pascaproduct (proses selepas produk ditawarkan kepada pelanggan dan urus niaga dijalankan). Proses kelulusan praproduct ialah peringkat pertama untuk proses pembangunan produk yang melibatkan pengisytiharan keputusan syariah berkaitan dengan produk, penstrukturran produk atau proses reka bentuk yang disokong oleh penyelidikan syariah yang komprehensif, tapisan kontrak, serta pemeriksaan pematuhan sebelum produk ditawarkan kepada pelanggan. Manakala, proses kelulusan pascaproduct pula melibatkan audit syariah dan semakan syariah yang dijalankan untuk memastikan pematuhan syariah dalam pelaksanaan

setiap produk yang ditawarkan kepada pelanggan. Keseluruhan proses yang digunakan untuk setiap produk perlu diberikan perhatian yang sewajarnya kerana risiko ketidakpatuhan syariah boleh muncul pada setiap peringkat pembangunan produk. Risiko ketidakpatuhan syariah mungkin berlaku semasa proses pembangunan produk kerana penstrukturran produk yang tidak wajar, kekurangan penyelidikan dalaman untuk memahami konsep syariah yang sesuai, dan salah nyata produk pada peringkat pengeluaran atau pemasaran produk. Jadual 3 menyenaraikan beberapa situasi berkaitan dengan proses yang diguna pakai dalam pembangunan produk yang menyebabkan berlakunya risiko ketidakpatuhan syariah.

Jadual 3 Contoh yang berpunca daripada aspek proses yang menyumbang berlakunya risiko ketidakpatuhan syariah.

	Salah Laku	Punca
1.	Proses, dasar dan prosedur atau tanggungjawab yang tidak jelas.	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan proses, dasar dan prosedur yang jelas boleh membawa variasi amalan dalam institusi kewangan Islam yang meningkatkan kemungkinan berlakunya pelanggaran syariah. • Institusi kewangan Islam mungkin mencampurkan keuntungan yang diperoleh daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang dengan keseluruhan keuntungan yang sah. • Kelemahan proses dapat dilihat dalam isu pengagihan keuntungan daripada akaun pelaburan yang dikendalikan berdasarkan konsep perkongsian keuntungan. Institusi kewangan Islam mungkin mengisyiharkan kepada orang ramai bahawa akaun tersebut ditadbir mengikut sistem perkongsian untung rugi, walhal pada hakikatnya mereka menguruskan akaun tersebut mengikut sistem faedah tetap.

Sambungan

	Salah Laku	Punca
2.	Kekurangan maklumat dan ketelusan.	<ul style="list-style-type: none">• Prinsip 2.9 Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah 2010 mewajibkan Jawatankuasa Syariah di setiap institusi kewangan Islam melaporkan status pematuhan syariah dalam laporan tahunannya.
3.	Kelemahan sistem pengurusan dalam berprinsipkan syariah.	<ul style="list-style-type: none">• Terdapat tiga badan utama yang bertanggungjawab dalam tadbir urus syariah dalam sesebuah institusi kewangan Islam, iaitu Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah dan pengurusan.• Lembaga Pengarah pada dasarnya bertanggungjawab mengawasi keseluruan rangka kerja tadbir urus pematuhan syariah dalam setiap aktiviti yang dijalankan.• Jawatankuasa Syariah hendaklah bertanggungjawab terhadap semua keputusan, pandangan dan pendapat yang berkaitan dengan hal syariah.• Pihak pengurusan hendaklah memainkan peranan untuk memerhatikan dan melaksanakan peraturan dan keputusan yang ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah dan Jawatankuasa Syariah.

Faktor Sistem

Faktor sistem merujuk penggunaan sistem teknologi maklumat dalam operasi sesebuah institusi kewangan Islam. Infrastruktur teknologi maklumat memainkan peranan penting dalam operasi harian sesebuah institusi kewangan Islam. Pada zaman moden dan canggih ini, pendaftaran, penyempurnaan dan pelaksanaan produk dalam sesebuah institusi kewangan Islam dilakukan menggunakan sistem teknologi maklumat. Oleh itu, sistem teknologi maklumat yang digunakan oleh setiap institusi kewangan Islam mestilah seiring dengan kehendak dan tuntutan prinsip syariah. Dengan kata lain, sistem ini mestilah mampu

menghalang dan mengekang sebarang percubaan untuk menjalankan semua jenis kontrak yang dilarang oleh syariah. Walau bagaimanapun, kebanyakan sistem teknologi maklumat yang digunakan oleh institusi kewangan Islam berasaskan sistem yang pada asalnya digunakan oleh bank konvensional. Oleh sebab wujudnya perbezaan yang ketara dari sudut tabiat operasi dan perniagaan antara institusi kewangan Islam dengan institusi perbankan konvensional, maka sistem teknologi maklumat yang diguna pakai dalam perbankan konvensional tidak seharusnya dilaksanakan secara total tanpa sebarang pindaan atau penambahbaikan supaya dapat dipastikan bahawa sistem tersebut seiring dengan kehendak syariah. Dalam Jadual 4 disenaraikan beberapa contoh yang menunjukkan bahawa kegagalan sistem teknologi maklumat menyumbang berlakunya risiko ketidakpatuhan syariah.

Jadual 4 Antara contoh kegagalan sistem teknologi maklumat yang menyumbang berlakunya risiko ketidakpatuhan syariah.

	Contoh Kegagalan Teknologi Maklumat	Punca
1.	Ketidakpadanan dalam proses dan sistem perakaunan, modul produk yang tidak mencukupi, sistem laporan yang lemah dan penggunaan perisian yang tidak diluluskan.	<ul style="list-style-type: none"> Sistem teknologi maklumat yang digunakan oleh institusi kewangan Islam mestilah mencapai status pematuhan syariah yang mampu memastikan pematuhan syariah yang menyeluruh dalam semua kontrak yang dimeterai oleh institusi kewangan Islam. Penggunaan perisian dan sistem telekomunikasi yang tidak sesuai dengan keperluan perbankan Islam juga menyumbang risiko ketidakpatuhan syariah kerana tidak mampu menyekat transaksi yang dilarang oleh syariah.
2.	Pembekal modul teknologi maklumat yang tidak berpengalaman, sistem yang tidak mesra pengguna dan kesilapan sistem.	<ul style="list-style-type: none"> Pembekal modul teknologi maklumat mungkin terlepas pandang beberapa ciri umum yang mesti dimasukkan ke dalam modul bagi memastikan pematuhan syariah dalam sistem.

Sambungan

	Contoh Kegagalan Teknologi Maklumat	Punca
		<ul style="list-style-type: none">• Pengetahuan dan pengalaman berkaitan dengan perbankan Islam akan menjadi penghalang utama bagi setiap pembekal sistem teknologi maklumat untuk menghasilkan sistem teknologi maklumat yang mematuhi kehendak syariah.

PROSES PENGUKURAN RISIKO

Dalam proses pengukuran risiko, pegawai pengurusan risiko hendaklah memberikan penekanan terhadap kerugian yang berlaku disebabkan oleh pembatalan dan ketidaksahihan kontrak. Pegawai pengurusan risiko perlu mengklasifikasikan risiko mengikut tahap kerugian yang akan dialami oleh institusi. Hal ini membantu institusi kewangan Islam untuk memberikan perhatian yang lebih kepada risiko yang teruk berbanding dengan risiko yang kecil.¹⁰

Secara praktikalnya, risiko ketidakpatuhan syariah boleh diklasifikasikan kepada tiga kategori, iaitu teruk atau tinggi, sederhana dan boleh diatasi. Pada umumnya, sesuatu risiko akan diklasifikasikan sebagai teruk atau tinggi sekiranya ketidakpatuhan yang berlaku membawa pembatalan kontrak atau ketidaksahan pendapatan. Risiko seumpama ini akan menyebabkan kecacatan kontrak yang tidak dapat dibetulkan semula. Sebagai contoh, kontrak yang dimeterai antara institusi kewangan Islam dengan pelanggan yang melibatkan pendapatan tidak halal seperti aktiviti pembiayaan perjudian atau kontrak yang mengandungi unsur perjudian. Kontrak yang berlaku pada dasarnya terbatal secara automatik kerana syarak mengharamkan perbuatan ini.

Klasifikasi risiko sederhana pula biasanya berkait rapat dengan kegagalan memenuhi syarat kontrak yang ditetapkan di bawah

10 Rosman, Romzie (2009). Risk management practices and risk management processes of Islamic banks: A proposed framework. *International Review of Business Research Papers*, 5(1), 250.

undang-undang transaksi Islam. Kegagalan memenuhi syarat kontrak menyebabkan sesebuah kontrak dianggap sebagai rosak tetapi tidak boleh diklasifikasikan sebagai terbatal. Kerosakan yang terdapat pada kontrak tersebut masih boleh diperbaik dengan menyempurnakan syarat seperti yang digariskan oleh undang-undang transaksi Islam. Dalam konteks ini, pendekatan mazhab Hanafi untuk menangani kontrak yang rosak boleh dilaksanakan dengan menyempurnakan beberapa syarat yang gagal dilaksanakan sewaktu kontrak termeterai antara penjual dengan pembeli. Dengan berlakunya pembetulan terhadap kontrak tersebut, status kontrak tersebut akan menjadi sah di sisi undang-undang transaksi Islam. Menurut pandangan mazhab Hanafi, kewujudan syarat yang tidak sah dalam sesuatu kontrak tidak menjadikannya terbatal tetapi hanya menyebabkan kontrak tersebut menjadi rosak. Oleh itu, kerosakan ini boleh dibaiki dengan membuang syarat yang tidak sah daripada kontrak tersebut.

Akhir sekali, risiko yang diklasifikasikan sebagai boleh diatasi berkaitan dengan peristiwa yang tidak membawa risiko yang teruk atau tinggi dan sederhana. Sebagai contoh, gaya pemakaian yang tidak sopan dalam kalangan kakitangan institusi kewangan Islam boleh menyebabkan risiko reputasi kerana setiap kakitangan institusi kewangan Islam seharusnya memakai pakaian yang sopan dan menutup aurat. Selain itu, kaedah pemasaran produk yang tidak tepat seperti iklan yang mendedahkan aurat boleh mencemarkan reputasi sesebuah institusi perbankan Islam. Pengukuran risiko ketidakpatuhan syariah mengikut status kontrak boleh diringkaskan seperti yang berikut:

Jadual 5 Pengukuran Risiko Ketidakpatuhan Syariah.


Tahap Risiko Ketidakpatuhan Syariah	Huraian
Teruk/Tinggi	Situasi ketidakpatuhan yang mengakibatkan pembatalan kontrak dan ketidaksahihan pendapatan. Contohnya, pembiayaan pelaburan dalam pengeluaran alkohol dan minuman keras.

Sambungan

Tahap Risiko Ketidakpatuhan Syariah	Huraian
Sederhana	Kontrak dengan kecacatan atribut aksesoris (<i>wasf</i>). Contohnya, kewujudan syarat yang tidak sah dalam kontrak, masalah penghantaran barang jualan, dan maklumat yang tidak mencukupi tentang barang yang dijual (<i>jahalah</i>).
Boleh Diterima	Situasi yang tidak membawa akibat risiko yang teruk dan sederhana. Contohnya, iklan produk yang tidak tepat dan mengelirukan pengguna.

Rajah 2 mengetengahkan sebuah model pengukuran risiko yang digunakan untuk menilai tahap risiko mengikut perspektif syariah dan kewangan. Menerusi model ini, pengukuran risiko syariah dibuat berdasarkan status akad, manakala tahap risiko kewangan dinilai berdasarkan ketahanan terhadap risiko yang dihadapi oleh

Rajah 2 Model pengurusan risiko bagi risiko sedia ada.




sesebuah institusi kewangan Islam. Oleh sebab penggunaan asas yang berbeza untuk penilaian risiko syariah dan risiko kewangan, sesuatu risiko mungkin akan diberikan tahap penilaian yang berbeza di bawah risiko syariah dan juga risiko kewangan. Model ini menggunakan tiga situasi untuk menggambarkan tahap risiko syariah dan risiko kewangan mengikut asas penilaian untuk kedua-dua jenis risiko tersebut, iaitu penggunaan istilah yang tidak tepat seperti “faedah” dalam pembiayaan korporat, formula harga yang tidak jelas dan *inah* bersyarat dalam pinjaman peribadi.

Berdasarkan Rajah 2, penggunaan istilah yang tidak sesuai seperti “faedah” dalam kontrak tidak akan membatalkannya kerana istilah atau bahasa yang digunakan dalam kontrak mungkin tidak menggambarkan maksud atau niat sebenar pihak yang berkontrak. Walau bagaimanapun, hal ini akan mencetuskan persepsi buruk daripada pelanggan tentang ketelusan pihak institusi kewangan Islam untuk memastikan setiap produk dan aktivitinya patuh dan seiring dengan kehendak syariah. Secara tidak langsung persepsi buruk ini akan melunturkan kepercayaan para pengguna dan akhirnya akan menyumbang kepada pengurangan jumlah pendapatan institusi terbabit. Dalam masalah formula harga yang tidak jelas, bank hanya akan berdepan dengan risiko tahap sederhana kerana isu tersebut tidak membawa pembatalan kontrak, sebaliknya hanya menjadikan sesebuah kontrak itu tidak teratur (*fasid*). *Inah* bersyarat pula mungkin menyumbang risiko kewangan yang rendah kepada pihak institusi kewangan Islam kerana pembiayaan peribadi tersebut hanya melibatkan jumlah yang kecil daripada keseluruhan jumlah pendapatan institusi terbabit. Namun, isu ini mungkin akan menyebabkan risiko syariah yang besar kerana status kesahan kontrak *inah* hangat diperdebatkan dalam kalangan ahli akademik.

Rajah 3 pula menggambarkan situasi risiko sedia ada yang dikurangkan menggunakan proses pengurangan risiko yang sesuai. Sebagai contoh, risiko syariah yang tinggi dalam kes *inah* bersyarat dikurangkan dengan cara memeterai kontrak baharu yang sah dari sudut syariah. Dalam isu ini, proses pengurusan risiko berjaya mengurangkan tahap risiko syariah dengan termeterainya sebuah

Rajah 3 Model pengurusan risiko selepas proses pemaibaikan (pengurangan risiko).



kontrak baharu. Walau bagaimanapun, proses ini bergantung pada persetujuan pihak pelanggan. Sekiranya mereka enggan menandatangani kontrak baharu, maka risiko syariah akan kekal pada tahap asal dan bank mungkin terdedah kepada tindakan undang-undang daripada pelanggan. Begitu juga dalam kes formula harga yang tidak jelas, risiko syariah boleh dikurangkan dengan memperkenalkan formula harga yang jelas kepada semua pelanggan. Pengenalan formula harga yang jelas dan teratur akan mengurangkan risiko syariah dari tahap sederhana ke tahap yang lebih rendah. Rajah 3 menggambarkan teknik pengurangan risiko pada tahap yang tinggi dalam kes *inah* bersyarat dan risiko pada tahap sederhana dalam kes formula harga yang tidak jelas kepada tahap risiko yang lebih rendah.

PROSES PEMANTAUAN RISIKO

Peringkat terakhir proses pengurusan risiko melibatkan "proses pemantauan dan pengawalan risiko". Proses pemantauan risiko

bertujuan memastikan amalan pengurusan risiko yang diterapkan dalam sesebuah institusi perbankan berjalan dengan lancar dan berkesan. Pemantauan risiko yang efektif akan membantu institusi perbankan mengesan kesilapan dan ketidakpatuhan syariah atau undang-undang pada peringkat awal supaya langkah pemberian dan pemulihian dapat dijalankan dengan berkesan.¹¹ Selain itu, mekanisme pemantauan risiko digunakan untuk memantau pemboleh ubah dan faktor yang boleh membawa risiko ketidakpatuhan syariah.

Proses pemantauan risiko melibatkan penggunaan data yang dikumpul daripada audit dan pemeriksaan yang terdahulu.¹² Salah satu alat yang digunakan dalam proses pemantauan risiko ialah Indeks Petunjuk Risiko (*Key Risk Indicator*). Indeks Petunjuk Risiko ialah formula matematik yang merangkumi semua parameter yang menerangkan perubahan operasi tertentu dalam sesuatu perniagaan.¹³ Indeks Petunjuk Risiko boleh digunakan sebagai alat untuk mengukur nilai sebenar kesan ketidakpatuhan syariah dan undang-undang. Berdasarkan data terdahulu, Indeks Petunjuk Risiko akan meramalkan kesan yang bakal terjadi akibat ketidakpatuhan syariah dan undang-undang. Kaedah ini akan membantu sesebuah institusi perbankan bagi mengambil langkah pembetulan dan pemberian utuk mengelakkan berlakunya kerugian yang terhasil daripada ketidakpatuhan syariah dan undang-undang. Sebagai contoh, data terdahulu merekodkan beberapa situasi ketidakpatuhan syariah yang berpunca daripada kelalaian dan kecuaian kakitangan institusi tertentu. Oleh itu, mekanisme pemantauan risiko akan memastikan risiko yang sama tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang dengan memeriksa dan menganalisis punca risiko untuk mengelakkan peristiwa yang membawa risiko. Penggunaan alat ini bergantung sepenuhnya pada

-
- 11 Al-Tamimi (2002). Risk management practices: An empirical analysis of the UAE commercial banks. *Finance India*, 16(3), 1045 – 1057.
 - 12 Rosman, Romzie (2009). Risk management practices and risk management processes of Islamic banks: A proposed framework. *International Review of Business Research Papers*, 5(1), 250.
 - 13 Kalyvas, L., dan Akkizidis, I. (2006). *Integrating market, credit and operational Risk: A complete guide for bankers and risk professionals*. London: Risk Books Incisive Financial Publishing Ltd.

kesediaan maklumat dan data yang mencukupi bagi pembangunan Indeks Petunjuk Risiko. Kebanyakan Indeks Petunjuk Risiko terdiri daripada langkah kuantitatif yang bertujuan memberikan kefahaman tentang pendedahan risiko operasi dan langkah kawalan.¹⁴ Yang berikut ialah beberapa contoh bagi Indeks Petunjuk Risiko yang digunakan untuk memantau faktor yang menyumbang risiko ketidakpatuhan syariah:

Jadual 6 Penggunaan Indeks Petunjuk Risiko dalam proses pengawalan risiko yang diadaptasi daripada Akkizidis dan Kumar (2008).

Sumber Risiko Ketidakpatuhan Syariah	Situasi	Antara Contoh Indeks Petunjuk Risiko
Manusia	<ul style="list-style-type: none">• Risiko fatwa.• Penipuan dan salah nyataan.• Kakitangan yang tidak terlatih dan tidak berkelayakan.• Kegagalan untuk menyempurnakan tugas.	<ul style="list-style-type: none">• Kadar pusing ganti Kakitangan.• Tahap latihan dan Pengalaman kakitangan.• Jumlah kelulusan produk yang bertentangan dengan prinsip syariah.
Proses	<ul style="list-style-type: none">• Proses dan polisi yang tidak jelas.	<ul style="list-style-type: none">• Jumlah kontrak yang bertentangan dengan polisi institusi Perbankan Islam.• Kadar kegagalan penyelesaian hutang.• Jumlah kegagalan penyempurnaan pembiayaan.

14 Young, J. (2006). *Operational risk management: The practical application of a qualitative approach*. Pretoria: Van Schaik Publishers.

Sambungan

Sumber Risiko Ketidakpatuhan Syariah	Situasi	Antara Contoh Indeks Petunjuk Risiko
Sistem	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem teknologi maklumat yang tidak patuh syariah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar kegagalan sistem. • Jumlah kegagalan dalam operasi.

Proses pemantauan risiko juga diberikan perhatian penting dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah 2010. Namun, secara praktikalnya proses pemantauan risiko syariah kini hanya terhad pada proses yang berlaku sewaktu kelulusan praproduk. Walau bagaimanapun, pengurusan risiko ketidakpatuhan syariah memerlukan kerjasama semua pihak dalam institusi kewangan Islam untuk memastikan semua operasi dan perniagaan yang dijalankan oleh institusi terbabit seiring dengan kehendak syariah. Konsep ini digarap daripada Prinsip 7 Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah 2010 yang menyebut, “Setiap insitusi perbankan Islam mesti mewujudkan satu fungsi pematuhan syariah yang mantap dan komprehensif yang terdiri daripada unit kajian dan audit, yang pada masa yang sama disokong oleh proses kawalan pengurusan risiko dan keupayaan penyelidikan dalaman”.

Sebaliknya, mekanisme kawalan untuk kelulusan pascaproduct dipertanggungjawabkan kepada Unit Semakan Syariah dan Unit Audit Syariah. Fungsi semakan syariah merujuk pemeriksaan yang dibuat dari semasa ke semasa untuk menilai tahap pematuhan syariah dalam operasi sesebuah institusi kewangan Islam. Fungsi semakan syariah bertujuan memastikan operasi sesebuah institusi kewangan Islam tidak bercanggah dengan prinsip syariah. Pada masa yang sama, semakan syariah hendaklah meliputi keseluruhan proses pembangunan produk yang bermula daripada penstrukturran produk sehingga ditawarkan kepada pengguna. Jadual 7 memaparkan keseluruan proses pembangunan produk seperti yang dijelaskan dalam Lampiran 7 Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah 2010.

Jadual 7 Keseluruhan proses pembangunan produk dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah 2010.

Peringkat Pembangunan Produk	Penerangan
Kelulusan Praproduct	<ul style="list-style-type: none">i. Proses kelulusan praproduct terdiri daripada beberapa langkah penting seperti penerbitan keputusan syariah, penstrukturkan produk atau proses reka bentuk produk yang disokong oleh penyelidikan syariah yang komprehensif, tapisan kontrak dan perjanjian, serta pemeriksaan pematuhan syariah sebelum produk ditawarkan kepada pelanggan.ii. Setiap institusi kewangan Islam hendaklah mewujudkan prosedur yang formal dan telus bagi proses pengeluaran keputusan syariah sebelum didokumenkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Syariah.iii. Setiap institusi kewangan Islam hendaklah memastikan proses kelulusan praproduct meliputi semua aspek, termasuklah kajian tentang konsep, struktur, lembaran jangka, dokumentasi, dasar dan prosedur, dan risalah tentang pengiklanan produk. Kesemua dokumen mestilah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah bagi memastikan pematuhan syariah dalam setiap aspek operasi sesebuah institusi kewangan Islam.
Kelulusan Pascaproduct	<ul style="list-style-type: none">i. Proses kelulusan pascaproduct melibatkan pemantauan pelaksanaan produk bagi memastikan pematuhan

Sambungan

Peringkat Pembangunan Produk	Penerangan
	<p>prinsip syariah, mengenal pasti situasi yang berpotensi membawa risiko ketidakpatuhan syariah dan mencadangkan langkah yang perlu diambil kepada pihak pengurusan.</p> <p>ii. Setiap institusi kewangan Islam mestilah menjadikan proses semakan syariah dalaman dan laporan tadbir urus syariah sebahagian daripada proses kelulusan pascaproduk. Tanpa langkah susulan, pihak institusi kewangan Islam tidak akan dapat memantau kelangsungan pematuhan syariah dalam setiap operasi institusi terbabit.</p>

Selain itu, proses kawalan dan pemantauan risiko dipertingkatkan lagi dengan adanya Proses Audit Syariah yang mesti dijalankan oleh juruaudit dalaman sesebuah institusi kewangan Islam. Prinsip 1.3 Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah 2010 secara jelas meletakkan audit syariah sebagai salah satu komponen utama dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah 2010. Proses Audit Syariah merujuk penilaian berkala yang dilakukan untuk menyediakan penilaian bebas dan pemeriksaan tentang tahap pematuhan syariah berhubung dengan operasi dan perniagaan setiap institusi kewangan Islam. Proses Audit Syariah hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Skop Proses Audit Syariah meliputi pelbagai bidang yang merangkumi audit terhadap pernyata kewangan, audit pematuhan yang berkaitan dengan struktur organisasi, kakitangan, proses dan sistem teknologi maklumat, serta melibatkan ulasan tentang keberkesanan tadbir urus syariah. Setiap bahagian atau unit dalam sesebuah institusi kewangan Islam perlu bekerjasama dan mematuhiinya. Di samping itu, Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah

2010 juga menyarankan pelantikan juruaudit luar untuk menjalankan audit syariah yang telus tentang tahap pematuhan syariah oleh setiap institusi kewangan Islam. Jadual 8 menjelaskan peranan setiap bahagian atau unit dalam sesebuah institusi kewangan Islam yang bertanggungjawab untuk menguruskan risiko ketidakpatuhan syariah.

Jadual 8 Ringkasan peranan setiap bahagian di institusi kewangan Islam dalam pengurusan risiko ketidakpatuhan syariah.

Bahagian	Peranan/Tugas
Unit Penyelidikan Syariah	<ul style="list-style-type: none">Menjalankan proses kelulusan praproduct, penyelidikan dan tapisan isu untuk penyerahan.Mengendalikan hal pentadbiran dan kesetiausahaan yang berkaitan dengan Jawatankuasa Syariah.Skop kerja berkisar tentang kelulusan praproduct (<i>ex-ante</i>).
Unit Kajian Syariah	<ul style="list-style-type: none">Memantau pematuhan syariah setiap produk.Membantu kerja Jawatankuasa Syariah dan keperluan asas sesebuah institusi kewangan Islam.Skop kerja berkaitan dengan kelulusan pasca-product (<i>ex-post</i>).
Unit Audit Syariah	<ul style="list-style-type: none">Proses audit syariah boleh dilakukan oleh juruaudit dalaman atau luaran.SGF hanya mewajibkan audit syariah yang dijalankan oleh juruaudit dalaman.Skop kerja berkaitan dengan <i>ex-post</i> audit akan membuat laporan terus kepada Lembaga Pengarah.
Unit Pengurusan Risiko Syariah	<ul style="list-style-type: none">Memudahkan proses mengenal pasti, mengukur, mengawal dan mengawasi risiko ketidakpatuhan syariah.Skop kerja berkaitan dengan kelulusan praproduct.

KESIMPULAN

Pengurusan risiko yang berkesan dan efektif akan membantu pihak institusi kewangan Islam mengukuhkan kepercayaan para pengguna

tentang kelangsungan kepatuhan syariah dalam segenap operasi yang dijalankan oleh institusi terbabit. Berdasarkan dalil al-Quran dan hadis, kajian ini merumuskan bahawa amalan pengurusan risiko dibenarkan dan digalakkan di sisi syariah kerana berfungsi sebagai suatu cara untuk memastikan keselamatan dan perlindungan harta para pelanggan institusi kewangan Islam. Pada masa yang sama, amalan pengurusan risiko syariah mestilah bebas daripada unsur yang bercanggah dengan prinsip syariah. Proses pengurusan risiko sangat penting kerana memberikan panduan yang komprehensif kepada sesebuah institusi kewangan Islam untuk mengesan dan mengawal risiko yang dihadapi dalam segenap aspek operasi yang meliputi aspek sumber manusia, proses perniagaan dan prosedur, serta kemajuan teknologi. Kajian ini juga mendapati Unit Penyelidikan Syariah, Unit Audit Syariah dan Unit Kajian Syariah berperanan penting dalam pengurusan risiko ketidakpatuhan syariah di Malaysia.

RUJUKAN

- Al-Tamimi (2002). Risk management practices: An empirical analysis of the UAE Commercial Banks. *Finance India*, 16(3), 1045 – 1057.
- Chankova, Lubka (2002). Risk identification- basic stage in risk management. *Environmental Management and Health Journal*, 13(3), 290 – 297.
- De Lorenzo, Y. T. (2007). Syariah non-compliance risk. *Chicago Journal of International Law*, 7(2), 402.
- Hertz, D. B., dan Thomas, H. (1983). *Risk analysis and its applications*. Chichester: Wiley.
- Holland, J. (2010). Banks, knowledge and crisis: A case of knowledge and learning failure. *Journal of Financial Regulation and Compliance*, 18(2), 87 – 105.
- Ismail, Abdul Ghafar (2010). *Money, Islamic banks and the real economy*. Singapore: Cengage Learning Asia Pte. Ltd.
- Izhar, Hylmun (2010). Identifying operational risk exposures in Islamic banking. *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies*, 3(2), 17–53.
- Izhar, Hylmun, Salah, dan Zakaria Ali Hassan (2013). Applying core principles of risk management in Islamic banks' operational risk analysis. *Afro Eurasian Studies*, 2(1/2), 15 – 40.

- Kalyvas, L., dan Akkizidis, I. (2006). *Integrating market, credit and operational risk: A complete guide for bankers and risk professionals.* London: Risk Books Incisive Financial Publishing Ltd.
- Oxford Dictionary of Business and Management* (p. 486). New York: Oxford University Press.
- Rosman, Romzie (2009). Risk management practices and risk management processes of Islamic banks: A proposed framework. *International Review of Business Research Papers*, 5(1), 250.
- Sabato, G. (2009). Financial crisis: Where did risk management fail?. Capaian daripada SSRN: <http://ssrn.com/abstract/1460762>.
- Sensarma, R., dan Jayadev, M. (2009). Are bank stocks sensitive to risk management?. *The Journal of Risk Finance*, 10(1), 7 – 22.
- Wajdi, A. (2014). Principles and application of risk management and hedging instruments in Islamic finance. Capaian daripada www.asyrafwajdi.com/v25/index.php/article.
- Young, J. (2006). Operational risk management: The practical application of a qualitative approach. Pretoria: Van Schaik Publishers.

Diperoleh (*Received*): 30 Sept. 2016

Diterima (*Accepted*): 22 Nov. 2017